

'Belum masanya laksanakan PKP'

Situasi pandemik Covid-19 dalam negara masih terkawal

Oleh ZUBIRSULAIMAN

SHAH ALAM

Pakar kesihatan berpendapat kerajaan tidak perlu melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara memandangkan situasi penularan pandemik koronavirus (Covid-19) masih boleh dikawal.

Pakar epidemiologi daripada Universiti Malaya, Profesor Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud bagaimanapun berkata, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) mungkin perlu dilaksanakan di kawasan tertentu sekiranya berlaku peningkatan kes yang banyak dalam masa singkat.

"Buat masa ini, PKP seperti yang dikuatkuasakan mulai 18

Mac lalu belum lagi perlu dilaksanakan. Sekiranya kita bertindak cepat mengesan dan mengasingkan kes Covid-19, kita masih lagi boleh membendung wabak tersebut.

"Jadi masyarakat secara keseluruhannya perlu menyokong usaha kerajaan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan, selain menjaga kesihatan diri dan ahli keluarga seperti mengamalkan pemakanan yang betul, bersenam dan tidur yang mencukupi bagi membantu keupayaan badan untuk melawan penyakit," katanya.

Mengulas lanjut, Awang Bulgiba turut menyarankan agar kerajaan memperbaiki penyampaian mesej kepada rakyat dan mengkaji bagaimana untuk menambah baik kepatuhan kepada SOP.

Katanya, mesej yang tidak jelas mampu mengelirukan rakyat dan kerajaan boleh menggunakan khidmat pakar tingkah laku dan pakar perhubungan dalam memperbaiki penyampaian mesej kepada rakyat.



AWANG BULGIBA



MALINA



ROSTNAH

"Ia amat penting kerana setelah berada dalam PKP yang berbagai bentuk selama enam bulan, keletihan SOP (SOP *fatigue*) telah mula nampak.

"Apabila ia berlaku, orang akan mula leka dan tidak mematuhi SOP sehingga kes naik mendadak seperti yang kita lihat baru-baru ini.

"Kita juga harus menyediakan sistem pemantauan yang lebih baik supaya tindakan yang lebih pantas boleh diambil," katanya.

Dalam pada itu, Pakar Perubatan Kesihatan Awam Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia,

Profesor Madya Dr Malina Osman berkata, PKP secara menyeluruh tidak perlu dilakukan memandangkan masih banyak zon hijau dan kehidupan rakyat boleh diteruskan seperti biasa di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Katanya, kerajaan perlu memastikan penetapan polisi terhadap pematuhan SOP terus konsisten serta mengutamakan pandangan pakar daripada tekanan-tekanan tertentu.

"Kerajaan juga perlu merangka dan menyediakan pelan pelaksanaan pilihan raya yang lebih ketat serta mengutamakan keperluan menggunakan tekno-

logi maya untuk berkempen dan juga pengundian dalam pilihan raya pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Madya Dr Rosnah Sutan menyifatkan pelaksanaan PKP semula bukanlah penyelesaian mudah, sebaliknya amalan normal baharu perlu diperketatkan.

Katanya, penglibatan masyarakat setempat dalam menjaga komuniti mereka patut digerakkan dan dibantu.

"Kerjasama daripada pelbagai pihak (universiti, jawatan kuasa sosial masyarakat setempat, NGO dan agensi) perlu diselaraskan di peringkat komuniti lagi.

"Murni dan mudahkan kerjasama pelbagai pihak tanpa melibatkan banyak urusan birokrasi yang perlu diikuti dan melemahkan kerjasama pintar di peringkat komuniti dalam meningkatkan amalan normal baharu," katanya.